

03 MAR 2000

Hasmah-ISDAM

HASMAH RAYU DERMAWAN BANTU ISDAM ISI TABUNG IHSAN

PUTRAJAYA, 3 Mac (Bernama) -- Golongan berpendapatan rendah yang memerlukan rawatan perubatan yang memakan belanja besar seperti rawatan dialisis penyakit buah pinggang dan pembedahan jantung berlubang perlu terus dibantu meringankan penderitaan mereka.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata ini kerana golongan miskin amat sukar untuk mereka mendapatkan wang secukupnya bagi membiayai rawatan.

"Kos bagi rawatan penyakit buah pinggang dan jantung berlubang adalah tinggi," katanya pada persidangan media mengenai pelancaran, promosi dan publisiti Tabung Ihsan Sang Wira anjuran Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia (ISDAM) di sini, hari ini.

Dr Siti Hasmah yang juga penaung ISDAM berkata kos bagi pembedahan jantung berlubang ialah antara RM10,000 hingga RM80,000 dan rawatan dialisis bagi penyakit buah pinggang pula dalam lingkungan RM150 hingga RM250 bagi sekali rawatan.

Katanya, ISDAM mewujudkan tabung itu untuk membantu membiayai perbelanjaan rawatan kedua-dua penyakit itu di kalangan golongan miskin memandangkan kadar pesakit bagi kedua-dua penyakit itu ialah pada nisbah lapan orang bagi tiap 1,000 kelahiran hidup.

Dr Siti Hasmah berkata terdapat 40,000 hingga 60,000 rakyat Malaysia yang menghidap penyakit jantung berlubang setiap tahun manakala kira-kira 2,200 orang lagi merupakan kes baru penyakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis.

ISDAM yang mengumpulkan doktor-doktor pakar yang beragama Islam, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober lepas.

Presiden ISDAM Dr M.A Sidek Nontak berkata bagi tujuan mengisi tabung itu ISDAM akan menganjurkan jamuan malam di empat buah negeri dengan yang pertamanya di ibu negara dijangkakan pada akhir Mei ini dan dermawan yang menyumbangkan minimum RM10,000 berpeluang menyerahkannya kepada Dr Mahathir.

Selain itu ISDAM juga merancang menganjurkan tayangan wayang amal dan konsert amal artis popular tempatan, katanya, yang menambah bahawa pada masa ini ISDAM belum mampu menyumbang bantuan kepada pesakit walaupun sudah ada empat pemohon yang layak menerimanya.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah turut melancarkan logo tabung itu berbentuk jantung dan buah pinggang dengan gambar karektor kartun di televisyen Sang Wira sebagai maskotnya, dan turut mendengar lagu tema promosi itu "Fajar Bahagia" nyanyian Ammar.

-- BERNAMA

MNY FAZ